

17 DEC 1999  
Annuar-Belot

UMNO KELANTAN DIMINTA KEMUKAKAN ANGGOTA BELOT

BACHOK, 17 Dis (Bernama) -- Semua 14 Bahagian Umno Kelantan diarah menyenaraikan anggota yang didapati belot menyokong parti pembangkang pada pilihan raya umum lepas, kepada Badan Perhubungan negeri dengan segera.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata nama-nama mereka yang terbabit mestilah disenarai dan diputuskan oleh jawatankuasa Bahagian masing-masing sebelum dihantar kepada badan perhubungan itu.

"Kita tidak mahu senarai mereka yang menikam parti dari belakang itu disenaraikan oleh individu untuk mengelak perasaan membalas dendam," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bantuan biasiswa dan makanan kepada Zabidah Awang yang terpaksa menyara anak-anaknya akibat kematian suami di Kampung Aur Telong di sini, hari ini.

Zabidah yang kematian suami Maliki Zakaria akibat barah hati baru-baru ini, menghadapi masalah kewangan untuk menyara lima daripada tujuh anaknya yang masih bersekolah.

Annuar yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata pihaknya telah membuat kaji selidik sebab-sebab BN tewas di Kelantan pada pilihan raya umum ke-10, 29 Nov dan hasilnya diserahkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa hari lepas.

Annuar berkata faktor kekalahan itu antara lain disebabkan kemerosotan populariti BN secara menyeluruh berpunca isu kecederaan yang dihadapi oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kekalahan juga berpunca daripada undi rakyat yang tinggal di Thailand tetapi mempunyai kerakyatan Malaysia berpihak kepada PAS, katanya.

Beliau berkata dalam kaji selidik itu juga pihaknya mendapati pengaruh PAS dan Umno hampir seimbang tetapi faktor dalaman berikutan krisis kepimpinan Umno, diambil peluang oleh PAS untuk mengukuhkan kekuatan mereka.

Pada pilihan raya umum lepas, BN hanya memenangi dua daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan dan satu daripada 14 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Mengenai Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Annuar yang juga pengasas yayasan itu berkata fungsi utamanya mengeluarkan biasiswa kepada pelajar miskin, akan diteruskan kerana badan itu ditubuhkan bukan berasaskan kepada politik.

Bagaimanapun jumlah mereka yang memperolehinya akan dikurangkan disebabkan punca untuk mendapatkan kewangan sangat terhad dan yayasan itu sudah membelanjakan peruntukan berjumlah RM2 juta bagi tujuan membantu rakyat miskin.

-- BERNAMA  
WM RON